

Cadangan penubuhan TIA wujud sebelum Najib jadi PM

KUALA LUMPUR 8 Okt. - Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa cadangan penubuhan Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) timbul pada penghujung Disember 2008 yang mana pada ketika itu jawatan Perdana Menteri disandang oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Perkara tersebut disahkan oleh saksi pendakwaan kesembilan, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halimi ketika dirujuk kepada sepucuk surat bertarikh 12 Disember 2008 yang antara lain menerangkan mengenai penubuhan TIA dengan dana sebanyak RM10 bilion akan dikumpul melalui penerbitan bon yang dijamin oleh kerajaan sebanyak RM5 bilion.

"Menurut memorandum Kementerian Kewangan yang menyentuh mengenai cadangan untuk mengeluarkan jaminan kerajaan sebanyak RM5 bilion, Menteri Kewangan ketika iaitu Najib tidak mendapat sebarang manfaat daripada kelulusan mengeluarkan jaminan itu," katanya yang merupakan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (CEO 1MDB).

Ketika menjawab soalan peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Ahli Parlimen Pekan itu, Shahrol Azral juga menyatakan pindaan yang dibuat kepada Memorandum dan Artikel Persatuan (M&A) sebelum TIA diambil alih oleh

Kerajaan Persekutuan dan memberi kuasa penuh kepada Najib tidak mencurigakan.


Saksi berkata demikian pada hari ke-18 perbicaraan kes Najib yang didakwa atas 25 pertuduhan membabitkan pengubahan wang haram dan salah guna kedudukan berhubung penyelewengan dana syarikat 1MDB berjumlah RM2.28 juta.

Terdahulu, Shahrol Azral memberitahu terdapat kemungkinan Jho Low berminat untuk menandatangani namanya sebagai CEO TIA adalah kerana beliau tidak mempunyai pengalaman dalam

bidang kewangan. Ini kerana, beliau telah memaklumkan perkara tersebut kepada Jho Low dari awal tawaran dibuat kepadanya.

"Dari awal lagi saya beranggapan bahawa kemasukan saya dalam TIA adalah untuk mempersiapkan bahagian pembangunan TIA. Saya telah beritahu Jho Low yang saya tiada sebarang pengalaman dalam kewangan tetapi saya tetap dilantik. Pelantikan saya ditentukan oleh mereka iaitu pemegang saham dan Lembaga Pengarah.

"Tanggapan saya ketika mula menyertai TIA, tanggungjawab utama saya ialah untuk menyediakan pasukan pengurusan dan membantu dari segi pembangunan TIA. Saya ada beritahu mereka bahawa saya tidak mempunyai pengalaman dalam pengumpulan dana tetapi mereka tetap melantik saya," katanya.



MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH